

# KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN...

## Kepada Anggota- Anggota Ikhwan

Berbaktiilah Kepada Allah Selagi Ada Hayat Dibadan!

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Kita masih lagi di dalam bulan Zulhijjah, ertinya kita masih lagi di dalam bulan yang mengandungi Hari Raya Haji yang terkenal juga dengan Hari Raya Korban. Sebabnya dinamakan Hari Raya Haji ialah kerana hari itulah sempurnanya orang-orang haji menunaikan fardu haji; dan dinamakan Hari Raya Korban kerana pada hari raya itu pula disunatkan kita menyembelih korban yang daging sembelihannya disuruh bahagikan kepada fakir dan miskin.

Semuanya kita mengetahui, dan semua kita

mata melihat darah yang mengalir apabila kalau aliran darah

itu kerana berkorban untuk menegakkan kalimah Tuhan

Yang Maha Esa.

Adakah itu sahaja ertinya Hari Raya Korban,

saudara-saudara anggota Ikhwan? Tidak, saudara-saudara, tidak!

Pada hari itu ialah memperingati suatu pengorbanan yang

luar biasa iaitu pengorbanan Nabi Ibrahim yang menerima wahyu

daripada Tuhan untuk menyembelih anaknya Nabi Ismail untuk

korbannya kepada Allah Subhānahu wa Ta‘ālā.

Nabī Ibrāhīm, seorang Nabi dan Rasul yang

utama, Ḥalīl Allah, tatkala masih muda telah hidup dengan

mengutamakan tauhid. Nabī Ibrāhīm dibangkitkan dalam masa

kaumnya menyembah berhala dengan bersangatan. Tatkala berhala

dilihatnya dan orang-orang menyembah berhala yang dibuatnya dengan

tangannya sendiri lalu meminta pertolongan kepadanya, maka

Nabī Ibrāhīm terfikir akan kebodohan manusia.

Nabī Ibrāhīm kemudiannya menyelidiki keadaan Tuhan

seperti yang diceritakan di dalam Al-Qur'an. Nabi Ibrahim

melihat malam, kemudian dikatakannya. Inikah Tuhan? Tetapi

kerjakan tetapi jarang di antara kita yang menyelami bahawa: apakah yang terkandung di dalam suruhan-suruhan itu apakah dia hikmat dan tujuan-tujuan mengapa kita setahun sekali disunatkan membuat korban di rumah ataupun di padang ditempat ramai. Gunanya tidak lain dan tidak bukan supaya kita, anak-anak kita, tidak gentar melihat darah keluar mengalir daripada binatang korban untuk Allah. Daripadanya dapat melihat bagaimana setiannya seseorang Nabi mengikut perintah Tuhan untuk menyembelih anaknya sendiri untuk korban kepada perintah Tuhan manakala perintah itu diperintahkan oleh Tuhan seru sekalian alam, Yang Maha Berkuasa, Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

Lihat dan perhatilah dengan nyata, wahai saudara-saudara, bagaimana dasyatnya apabila pisau yang tajam itu diletakkan dileher binatang pilihan yang cukup sihat dan tatkala pisau itu berjalan dengan nama Allah bagaimana darahnya memancut dengan derasnya sehingga boleh menakutkan orang-orang yang lemah semangatnya, tetapi suruhan itu dibuat di hadapan ramai supaya umat Islam tidak gentar, tidak gelap

apabila malam berganti siang, maka katanya: Bukan begitulah seterusnya apabila dilihatnya bintang, bulan, matahari dan sebagainya sehingga akhirnya ia berkata: Bahawa Maha Suci Tuhan daripada barang-barang yang boleh berubah-berubah.

Apabila Nabī Ibrāhīm yakin akan adanya Tuhan Yang Maha Esa dan tidak sekutu baginya, serta tidak ada seumpamanya maka untuk menambah keyakinannya ia meminta kepada Tuhan untuk melihat bagaimana barang-barang yang mati boleh dihidupkan. Tuhan menyatakan kepada Ibrāhīm apakah Ibrāhīm tidak percaya kepada kekuasaannya. Nabī Ibrāhīm bermohon melihat hanya untuk menambah lagi keyakinannya kerana apabila melihat kekuasaan Tuhan dengan persaksian mata sudah barang tentu lebih lagi kesannya kepada jiwanya.

Menurut riwayat, Tuhan telah memerintahkan Nabī Ibrāhīm mengambil empat ekor binatang jenis burung untuk disembelih kemudian ditinggalkan kepalanya - badannya semuanya di cincang lumat-lumat bersama-sama. Kemudian ia diletakkan di atas sebuah bukit dan kepala binatang tadi diletakkan berpisah-pisah. Dengan kudrat Tuhan maka barang yang bertabur tadi balik kepada tempat asal masing-masing - kepala binatang-binatang itu dan hidup seperti keadaannya sediakala.

Sudah tentu, saudara-saudara anggota Ikhwan, apabila seseorang melihat kekuasaan yang ditunjukkan Tuhan dengan dilihat oleh matanya sendiri akan mempunyai keyakinan yang sangat kuat. Tetapi apakah dengan yakin itu sahaja akan memadai? Tidak! Saudara-saudara, tidak! Nabī Ibrāhīm dicuba: Apakah ia seorang yang sebenarnya kuat imannya sebagaimana juga kita semuanya akan dicuba kekuatan iman kita sekalipun percubaan kepada kita itu tidak sekuat atau sebesar yang didatangkan kepada Nabī Ibrāhīm itu.

Allah, sebagaimana disebutkan di atas tadi, memerintahkan Ibrahim mengorbankan anaknya Ismail supaya disembelih untuk dijadikan korban. Anaknya sendiri diminta supaya disembelih. Di sini dapatlah kita mengukur betapa berat perintah itu kerana anak sendiri, anak yang dikasih disuruh sembelih. Tetapi kerana beliau berserah di atas kekuasaan Tuhan maka perintah itu beliau ikut dengan tidak gentar walau sedikit pun dan akhirnya, sebagaimana. Saudara-saudara ketahui sendiri riwayatnya, tatkala pisau diletakkan ke leher anak yang ditutup beliau dengan kain pada saat itulah Allah Yang Maha Pemurah mengantikan anaknya itu dengan kambing. Inilah sebabnya kita



Gambar kenangan-kenangan teman-teman dari Madrasah Ahmadiah, Batang Darat, setelah menganjurkan perjumpaan Hari Raya Fitrah baru-baru ini.

mengadakan korban.

Pada Hari Raya Korban ini darah binatang ternak yang sihat mengalir di mana-mana dan dilihat oleh kita dan anak-anak kita. Permulaan orang melihat darah mengalir itu tentu akan gerun dan takut tetapi apabila selalu dibuat ia tidak akan gentar melihatnya dan berani mengalirkannya sendiri kelak, apabila diperlukan untuk menegakkan kalimah Tuhan!

Kejadian-kejadian yang tersebut ini adalah menggembirakan bahawa kita, kita yang mengutamakan tauhid, kita yang mengaku tidak ada Tuhan yang disembah selain daripada Allah, tidak akan undur dan takut memberi pengorbanan kepada jalan Allah dengan harta, tenaga dan jika perlu nyawa sekalipun. Kita telah mengetahui dengan nyata dan tegas bahawa hidup dan mati kita ditangan Allah! Esok atau lusa, tidak akan dapat dielak kalau mati menghendaki kita, tetapi carilah kematian itu pada berjihad dijalanan Tuhan kerana dengan jihad kepada jalan Allah itulah sahaja yang akan membawa kebahagiaan yang kekal abadi selama-lamanya!

Lihat, nun di sana bagaimana sejarah pahlawan-pahlawan Islam yang berjuang - bukannya mencari pangkat dan kedudukan tetapi yang dicari hanya mati di medan perjuangan untuk mendapat keredhaan Tuhan!

Sebab kita hidup tidak di dalam masa perjuangan jihad yang berkehendak supaya darah kita ditumpahkan, maka marilah kita bersama-sama memasuki jihad yang lebih besar daripada itu iaitu jihad kepada jalan Allah dalam memerangi hawa nafsu seperti yang pernah disabdakan oleh junjungan kita Muhammad (S.A.W) sesudah beliau balik dari medan perang.

Korbankanlah segala-galanya untuk menegakkan kalimah

Tuhan. Kalimah Tuhan tidak akan dapat saudara-saudara dirikan dalam masyarakat atau dalam negara, kalau belum kita dirikan pada diri kita sendiri. Saudara tidak akan diharap dapat membuat seruan kepada umat untuk bersama-sama menegakkan kalimah Tuhan kalau masing-masing tidak dapat menegakkannya dalam dirinya sendiri.

Sebab itu tegakkanlah kalimah Tuhan pada diri sendiri dengan mengerjakan suruhannya, menjauhi larangannya – beramal dengan amal yang soleh, beradab dengan adab yang sempurna – bermuka manusia, bertutur kata dengan baik, sabar dan bertawakal kepada Allah dalam tiap-tiap suatu usaha. Bekerja dan berusaha menuju kepada kebahagiaan untuk diri dan masyarakat, berjuang dan menyeru manusia supaya berbakti kepada Allah. Mudah-mudahan ada di antara kita yang sentiasa memberi pengorbanannya untuk Allah dan menanam perasaan di dalam hatinya bahawa apakah akan dikatakannya nanti di hadapan Tuhan, apa yang telah dibuatnya selama hidup di dunia sebagai baktinya kepada Tuhan!!

---

### Sambungan dari muka 25

Mendapat kemenangan; dan banyak pahlawan-pahlawan serta tentera musuh yang ditawan. Ketika itu Rasullallah melihat wajah Sa‘ad muram, dan sebab itu Rasullallah berkata:

“Demi Allah, aku melihat seakan-akan tidak senang atas perbuatan kaum kita?”

“Benar ya Rasulullah” jawab Sa‘ad dengan tegas. “Demi Allah, ini adalah perang yang pertama yang berkesudahan dengan kekalahan kaum musyrik. Membunuh habis pemimpin-pemimpin musyrik, lebih menyenangkan saya daripada membiarkan mereka hidup di dalam tawanan....”

Bersambung